

Jambatan Kedua bukan janji kosong – Abdullah

um - 9/2/2008

Oleh HABIBAH OMAR
dan NURUL HUDA HASSAN

PULAU PINANG 8 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang, Jalan Lingkar Luar Pulau Pinang (PORR) dan projek Monorel bukan janji-janji kosong sebaliknya ia akan dilaksanakan dengan jayanya.

Menurut Perdana Menteri, walaupun terpaksa berhadapan dengan masalah yang melambatkan pembinaannya namun ia akan disiapkan mengikut jadual.

“Saya mendapat laporan daripada Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan beliau memberi jaminan bahawa kerja-kerja pembangunan sedang giat dijalankan.

“Projek itu bukan janji kosong sebaliknya kita akan melaksanakannya. Maaf atas kelewatannya namun kita akan siapkannya,” katanya ketika berucap pada majlis sambutan Tahun Baru Cina anjuran bersama Parti Gerakan dan MCA di sini hari ini.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah; Pemangku Presiden Gerakan yang juga Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Chan Kong Choy.

Mengenai pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Koridor Utara) pula, Perdana Menteri berkata, banyak yang perlu dijayakan secara bersama demi kepentingan semua pihak.

Pulau Pinang umpamanya, kata beliau, perlu mengambil peranan yang diberikan untuk menjayakan Koridor Utara kerana bahagian yang penting di dalam projek pembangunan itu melibatkan negeri ini.

“Pulau Pinang ada lapangan terbang antarabangsa, kontena dan hab logistik yang merupakan kemudahan penting,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Barisan



ABDULLAH Ahmad Badawi tertarik dengan lukisan burung merak yang dihadiahkan kepadanya semasa menghadiri Majlis Sambutan Tahun Baru Cina anjuran Dewan Perhimpunan Cina Pulau Pinang di Pulau Pinang, semalam.

– Gambar SHAMSUDIN SALEH

Nasional (BN) bukan kerajaan dan parti yang gagal sebaliknya banyak memperoleh kejayaan melalui pelbagai cara.

Tegas Perdana Menteri, walaupun ada masalah namun BN sentiasa berusaha

mencari penyelesaian terhadap setiap masalah yang dihadapi.

Abdullah juga ingin melihat parti-parti komponen bekerjasama di semua peringkat terutama peringkat kerajaan.

“Jika rakyat bising, ini kerana mereka mahu kita bekerja kuat. Tolong dengar apa yang rakyat ingin. Betulkan kesalahan, lakukan dengan baik maka mereka akan memberi sokongan kepada kita,” katanya.